

Rujukan. Kami : KVSA.600-12/8(63)
Tarikh : 10 Julai 2017

Kepada Yang Berkenaan

Tuan/puan

PENILAIAN SKM SESI 1 KOHORT 2013

Dengan hormatnya saya merujuk kepada **Surat Arahan** daripada **Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)** , rujukan fail **KPM.600-13/14/16 jld.4 (47)** yang bertarikh **19 Jun 2017** adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa **semua pelatih Program Teknologi Pemesinan Industri (MPI)** dan **Program Teknologi Kimpalan (MTK)**, Kolej Vokasional Shah Alam terlibat dengan Penilaian SKM berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu semua pelatih dalam program di atas dikehendaki hadir ke kolej mengikut ketetapan berikut untuk menduduki **Penilaian SKM** tersebut:-

Tarikh : 24 Julai 2017 hingga 28 Julai 2017
Masa : 7.45 pagi – 4.30 petang
Tempat : Kolej Vokasional Shah Alam.
Penilaian SKM : 1. Penilaian Teori Vokasional (Hari pertama)
2. Penilaian Amali Vokasional (Hari ke 2 dan 3)
3. Semakan Fail dan laporan On The Job Training (OJT) (Hari ke 3 dan 4)
4. Pembentangan Projek Tahun Akhir (PTA) (Hari ke 3 dan 4)


* Tertakluk kepada **Pegawai Penilai Luar (PPL)** yang mengendalikan Penilaian SKM di kolej ini.

4. Kami berharap pihak tuan dapat memberi pelepasan kepada pelatih yang sedang bertugas di Syarikat tuan untuk hadir menduduki Penilaian SKM pada tarikh yang ditetapkan. Kerjasama daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



.....
(NORHAYATI BINTI ABD. RAHMAN)

Pengarah

Kolej Vokasional Shah Alam

ARAHAN KEPADA CALON PENILAIAN SKM

1. Penilaian SKM pada 24 Julai 2017 sehingga 28 Julai 2017 melibatkan:-
 - a. Program Pemesinan Industri (MPI)
 - b. Program Teknologi Kimpalan (MTK)
2. Penilaian dikendalikan oleh Pegawai Penilai Luar (PPL) yang dilantik oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang akan bertugas selama 5 hari seperti tarikh yang ditetapkan.
3. Penilaian SKM merangkumi:
 - a. Penilaian Teori di Dewan Alam Sarjana (Pada Hari pertama 24 Julai 2017)
 - b. Penilaian Amali (Pada hari ke 2 dan 3)
 - i. Program MPI (satu sidang selama 4 jam)
 - ii. Program MTK (Satu sidang selama 3 jam)
 - c. Pembentangan Projek Tahun Akhir (PTA) mengikut jadual yang ditetapkan (Pada hari ke 3 & 4)
 - d. Semakan 4 fail Vokasional calon dan laporan On The Job Training (OJT) (pada hari ke 2 hingga 4)
4. Calon perlu hadir 15 minit sebelum peperiksaan Teori/Amali/PTA semasa penilaian SKM berjalan.
5. Pakaian rasmi pelajar semasa penilaian SKM Teori/Amali/PTA adalah baju korperat biru (Baju korperat DVM KVSA)
6. Sila bawa bersama kad pengenalan semasa penilaian SKM teori/Amali/PTA berjalan. Slip masuk peperiksaan akan dibekalkan oleh Jabatan Penilaian dan Pentaksiran (JPP) kepada calon (Hari pertama)
7. Calon perlu patuhi Jadual Penilaian SKM teori/ Amali / sidang PTA yang telah ditetapkan
8. Calon perlu mengikut segala arahan dan prosedur Penilaian SKM yang ditetapkan oleh pihak JPK dan PPL. Tindakan tatatertib akan diambil kepada calon yang melanggar peraturan Penilaian SKM seperti peraturan Penilaian SKM yang ditetapkan oleh JPK.
9. Sila hubungi pejabat Kolej Vokasional Shah Alam (03-51916326) sekiranya calon mengalami masalah pada hari Penilaian SKM berlangsung bagi memudahkan pihak kolej membantu dan bertindak untuk kelancaran Penilaian SKM yang sedang berjalan.
10. Jadual Penilaian SKM akan beri kepada calon selepas pihak kolej mendapatkannya daripada pihak BPTV.

UNIT PENILAIAN & PENTAKSIRAN (UPP)

Kolej Vokasional Shah Alam